

**SASARAN DAKWAH NON-MUSLIM DI MALAYSIA :  
SUATU KAJIAN TENTANG KEADAAN ORANG ASLI  
DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI ULU KUANG,  
GOMBAK, SELANGOR**

Dr. Ab. Aziz bin Mohd. Zin

**Abstract**

*Malaysia has a number various aborigines community which have their own civilization. Furthermore, the Islamic way of life is not well known among this community since they are remote from other Muslim community. Due to this circumstances, it is an important to make sure that they received the teaching of Islam and practice it as the way of life. Therefore, this article describes the background of the aborigines community at Ulu Kuang to ensure the effectiveness of Islam among this community.*

**Pendahuluan**

Antara keperluan dalam dakwah dengan tujuan untuk melahirkan satu metod yang betul ialah pengetahuan mengenai keadaan sasaran. Jika keperluan ini tidak dipenuhi kesan dakwah tidak dapat tercapai.

Oleh kerana sasaran dakwah di kalangan orang bukan Islam di Malaysia yang terdiri dari berbagai suku kaum, etnik, dan budaya, keperluan untuk mengetahui keadaan sasaran lebih ketara, kerana terdapat perbezaan yang nyata antara sasaran, khususnya dalam hal-hal kepercayaan dan adat resam.

Di samping itu, wujudnya golongan masyarakat bukan Islam yang tersisih dari orang ramai, seperti orang-orang asli, menambahkan lagi

keperluan mengetahui maklumat mereka untuk tujuan dakwah yang berkesan.

Dengan itu, kajian terhadap keadaan orang asli untuk tujuan tersebut sangat perlu kerana ia boleh memaparkan beberapa maklumat dan latarbelakang yang amat berguna untuk penyusunan dakwah.

### **Orang Asli Di Malaysia**

Orang asli di Malaysia terdiri daripada pelbagai suku kaum. Namun secara umumnya ia terbahagi kepada 3 kumpulan terbesar, iaitu:

- (1) Semang - Negrito berjumlah lebih kurang 2,364 orang.
- (2) Senoi berjumlah lebih kurang 45,609 orang.
- (3) Melayu asli berjumlah lebih kurang 34,434 orang.

Jumlah orang asli keseluruhannya lebihkurang 82,807 orang<sup>1</sup> yang meliputi lebihkurang 1% daripada penduduk Malaysia.

Arus perubahan turut dialami oleh orang asli yang turut mempengaruhi kehidupan lebih teratur dan tetap tempat tinggal. Bagaimanapun dari jumlah keseluruhan orang asli hanya 1% sahaja yang masih hidup secara nomad seperti nenek moyang mereka terdahulu.<sup>2</sup>

Namun begitu penghidupan mereka masih lagi bergantung kepada hutan, iaitu dengan mencari bahan-bahan hutan, memburu, menangkap ikan dan bertani.

---

<sup>1</sup>Dr. Harun Derauh (ed), *Information Malaysia 1992-93 Yearbook*, Berita Publishing, Kuala Lumpur, h. 74.

<sup>2</sup>JHEOH, *Orang Asli: Satu Tinjauan Ringkas*, Kem. Dalam Negeri Malaysia, Kuala Lumpur, 1981, h. 7.

Kebanyakan orang asli di Malaysia menganut kepercayaan animisme dengan sebahagian kecil memeluk Islam dan ada juga yang memeluk Kristian dan Bahai.<sup>3</sup>

Sistem kepercayaan orang asli dihubungkan dengan dewata, keramat dan roh yang merupakan elemen terpenting dalam kehidupan mereka. Keadaan fizikal yang terdapat di sekeliling mereka mempengaruhi kehidupan harian. Hutan, pokok, binatang, petir, hujan dan lain-lain, mempunyai makna yang tersendiri di kalangan masyarakat orang asli<sup>4</sup>. Hasilnya, orang asli kaya dengan pantang larang dan kepercayaan kepada hantu dan penunggu.<sup>5</sup>

Berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan dapat disimpulkan bahawa walaupun orang asli di Malaysia telah banyak mengalami perubahan, namun kebanyakan mereka masih terus mempusakai dan mempraktikkan warisan nenek moyang mereka.

## **Orang Asli Ulu Kuang, Gombak<sup>6</sup>**

### **Latar Belakang**

Perkampungan orang asli Ulu Kuang, Gombak, Selangor mempunyai keluasan lebihkurang 300 ekar persegi. Ia terletak di satu

---

<sup>3</sup>Nor Azizahwati Said, *Penyebaran Dakwah Islamiah Di Kalangan Orang Asli: Satu Tinjauan Tentang Peranan JHEOH Negeri Pahang*, Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin Universiti Malaya, 1989, h. 80.

<sup>4</sup>Lembaga Perpaduan Negara, *Resam Muhibbah Masyarakat Malaysia (Siri Kedua)*, Lembaga Perpaduan Negara, t.t. h. 16-17.

<sup>5</sup>*Ibid.* h. 5-6, 8 dan 13-14.

<sup>6</sup>Satu kajian melalui soalselidik terhadap penduduk kampung orang asli Ulu Kuang yang terdiri daripada 47 responden telah dilakukan pada 1-3 Okt. 1993. Oleh kerana penduduk kampung ini tidak begitu ramai, iaitu 42 keluarga sahaja, kebanyakan mereka dapat diinterviewkan.

lokasi lebihkurang 5 km dari sebatang jalan raya dan 4 km jaraknya dari perkampungan lain.

Kemudahan-kemudahan yang terdapat di kampung ini ialah sebatang jalan kecil yang merintang di tengah-tengah kampung, elektrik (berfungsi di waktu malam sahaja), sebuah balairaya, sebuah tadika dan surau.

Kampung ini terdiri daripada 42 keluarga dengan bilangan rumah sebanyak 36 buah. Kebanyakan mereka bekerja sebagai buruh kasar di kilang-kilang persekitaran. Majoriti mereka adalah suku kaum Temuan.<sup>7</sup> Orang yang berpengaruh di kampung ini mengikut tertibnya ialah Tok Batin, Jenang dan Setiausaha Kemajuan Kampung.<sup>8</sup>

### **Keperluan Kepada Agama**

Untuk mengetahui situasi orang asli dengan lebih lanjut lagi, beberapa persoalan telah dikemukakan. Antara persoalan yang mula-mula dikemukakan kepada responden ialah apakah agama itu diperlukan dalam kehidupan?

Jadual di bawah memberi jawapan kepada persoalan tersebut:

**Jadual 1 : Adakah agama itu perlu dalam kehidupan manusia?**

<b>Bil</b>	<b>Jawapan</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
1.	Tidak Tahu	23	48.9
2.	Ya	11	23.4
3.	Tiada Jawapan	7	14.9
4.	Tidak	6	12.8

<sup>7</sup>Mahadi bin Chat (Tok Batin), interview pada 3.10.1993.

<sup>8</sup>Jamal bin Yusof (Setiausaha Kemajuan Kampung), interview pada 3.10.1993.

Berdasarkan kepada jadual di atas dapat dilihat bahawa hampir separuh (48.9%) dari orang asli memberi jawapan tidak tahu. Manakala berikutnya, iaitu 23.4% bersetuju bahawa agama itu diperlukan dalam kehidupan manusia. Hanya 12.8% sahaja menyatakan agama tidak diperlukan dalam hidup.

Bertitiktolak dari jawapan agama itu perlu dalam kehidupan, kajian ini terus melihat kepada alasan agama itu perlu dalam kehidupan. Jadual berikut menjelaskan alasan mereka.

**Jadual 2: Alasan perlu kepada agama**

Bil	Jawapan	Jumlah	Peratus
1.	Tiada respon	22	46.8
2.	Tidak tahu	9	19.1
3.	Memberi kebaikan dan keselamatan hidup	7	14.9
4.	Menjadi panduan hidup	5	10.6
5.	Menghormati tradisi nenek moyang	4	8.5

Jadual di atas menunjukkan bahawa majoriti responden (65.9%) tidak memberi respon terhadap persoalan tersebut, sama ada tidak menjawab (46.8%) atau menjawab tidak tahu (19.1%), 25.5% menyatakan untuk kepentingan hidup, 14.9% pula berpendapat ia memberi kebaikan dan menjamin keselamatan hidup dan 10.6% berpendapat agama sebagai panduan hidup. Manakala 8.5% menyatakan sebagai menghormati tradisi nenek moyang.

Di samping itu, wujud pelbagai alasan dari pihak orang asli yang meletakkan agama tidak penting dalam kehidupan. Jadual di bawah menjelaskan hal tersebut:

**Jadual 3: Alasan tidak perlu kepada agama**

Bil	Jawapan	Jumlah	Peratus
1.	Tidak tahu/tiada respon	26	53.3
2.	Mengongkong kebebasan hidup	7	14.9
3.	Tidak percaya ujudnya Tuhan	7	14.9
4.	Tiada sumber untuk mengetahui tentang Islam	5	10.6
5.	Tidak berfaedah	2	4.3

Jadual di atas menjelaskan bahawa lebih daripada setengah responden (53.3%) tidak memberi sebarang alasan. Manakala selebihnya mengemukakan alasan-alasan yang tersebut dalam jadual sebab musabab agama tidak diperlukan.

### **Agama Sekarang**

Selain daripada itu, kajian turut meninjau anutan dan kepercayaan orang asli. Jadual di bawah menjelaskan hal ini:

**Jadual 4 : Agama yang dianuti sekarang**

Bil	Agama Anutan	Jumlah	Peratus
1.	Tiada agama	38	80.9
2.	Animisme	7	14.9
3.	Islam	2	4.3

Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat bahawa kebanyakan mereka (80.9%) tiada beragama dan tidak pasti tentang nama agama dan 14.9%

mengaku mereka beragama animisme. Hanya 4.3% yang mengaku beragama Islam dan tiada seorang pun mengaku beragama Kristian.

Seterusnya kajian melihat alasan penduduk orang asli mengalami satu-satu fahaman. Jadual di bawah memperlihatkan alasan mereka:

**Jadual 5 : Alasan mengikut sesuatu agama**

Bil	Alasan	Jumlah	Peratus
1.	Mengikut keluarga	23	48.9
2.	Tiada jawapan	11	23.4
3.	Tidak tahu	9	19.1
4.	Terpengaruh dengan sesuatu pihak	3	6.4
5.	Meyakini itu yang benar	1	2.1

Dari jadual di atas menjelaskan bahawa responden mengikut sesuatu agama tanpa alasan yang jelas. Hampir separuh iaitu 48.9% memberi jawapan kerana mengikut keluarga. 23.4% tidak memberi apa-apa jawapan. 19.1% memberi alasan tidak tahu. Hanya 2.1% iaitu seorang responden sahaja memberi alasan kerana menyakini itu yang benar.

### **Keadaan Sesudah Mati**

Kajian ini turut menyelidik pandangan orang asli tentang situasi selepas menghadapi maut atau mati. Jadual di bawah menjelaskan persoalan tersebut:

**Jadual 6 : Keadaan selepas mati**

Bil	Nasib selepas mati	Jumlah	Peratus
1.	Tidak ada apa-apa	25	53.2
2.	Hidup semula untuk menerima pembalasan	12	25.5
3.	Tidak tahu	8	17
4.	Tiada respon	2	4.3

Fakta di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden (53.2%) berpendapat tidak ada apa-apa yang akan berlaku selepas mati. 25.5% berpendapat akan hidup semula untuk menerima pembalasan. Manakala selebihnya menjawab tidak tahu atau tidak memberi pandangan sama sekali.

### **Perasaan Terhadap Kedatangan Orang Luar**

Di samping itu, kajian ini turut meninjau pandangan dan perasaan penduduk orang asli terhadap kedatangan orang luar ke kampung mereka. Hasilnya didapati sebanyak 89.4% sukakan keadaan ini dan 10.6% tidak memberi sebarang jawapan. Fakta di atas menunjukkan kebanyakan mereka berasa senanghati dengan kedatangan orang luar.

Alasan-alasan perasaan senanghati dengan kedatangan orang luar yang diberikan adalah sebagaimana berikut:

- (1) Kerana mereka mendapat ramai kawan dan sebanyak 57.4% memberi alasan ini.
- (2) Kerana mereka diberikan hadiah dengan sebanyak 25.5% menjawab dengan alasan ini.
- (3) Kerana mereka mendapat pengetahuan baru dan 17% memberi alasan ini.
- (4) Kerana mereka mendapat pertolongan dan 12.8% memberikan jawapan seperti ini.

Kenyataan-kenyataan di atas menunjukkan bahawa kawan dan hadiah, penting bagi orang asli Ulu Kuang hasil dari kedatangan orang luar.



Orang Asli Ulu Kuang juga tidak suka dengan kedatangan orang luar, jika sekiranya orang luar itu:

- (1) Cuba mempengaruhi mereka, iaitu sebanyak 6.4% memberi alasan ini.
- (2) Mengganggu kehidupan harian mereka, iaitu sebanyak 2.1% memberi jawapan seperti ini.

### **Pandangan Terhadap Orang Islam**

Kajian ini turut menyorot pemikiran dan pandangan penduduk asli terhadap kehadiran orang Islam.

Hasil pandangan mereka dapat dilihat sebagaimana berikut:

- (1) 59.6% mengatakan baik/bagus, yang ertinya 40.4% tidak memberi sebarang pandangan.
- (2) 27.7% mengatakan biasa, yang ertinya 72.3% tidak memberi sebarang alasan.
- (3) 10.6% mengatakan suka, yang ertinya 89.4% tidak mengemukakan jawaban.

Fakta-fakta di atas menunjukkan bahawa kebanyakan orang Islam yang berada di kalangan responden dipandang baik.

Seterusnya kajian melihat kepada alasan penduduk asli menyukai orang Islam.

Hasil kajian memperlihatkan:

- (1) 42.5% responden mengatakan orang Islam pandai bergaul.

- (2) 27.7% responden mengatakan kerana orang Islam suka menolong.
- (3) 21.3% responden mengatakan orang Islam mempunyai akhlak yang baik.

Fakta-fakta di atas menunjukkan bahawa akhlak yang baik dalam pergaulan menjadi sebab utama responden suka kepada orang Islam.

Bagaimanapun, wujud juga di kalangan penduduk asli yang tidak suka kepada kehadiran orang Islam berdasarkan beberapa alasan iaitu sebanyak 4.3% berpendapat orang Islam tidak menunjukkan teladan yang baik. Manakala yang bakinya (95.7%) tidak memberi sebarang tindakbalas.

Berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan menunjukkan bahawa orang asli di Kampung Ulu Kuang telah banyak mengalami perubahan sama ada dari sudut kepercayaan, pergaulan dan pandangan terhadap Islam dan pengikutnya. Namun di samping itu, ikutan-ikutan nenek moyang masih diamalkan dalam setengah sosio - budaya hidup mereka.

### **Peluang Dakwah**

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, kesimpulannya ialah berdakwah di kalangan orang asli di Kampung Ulu Kuang khususnya ini, memberi peluang yang baik berdasarkan beberapa sebab yang nyata iaitu:

1. Ia sebuah kampung yang senang dihubungi sebab berdekatan dengan kampung-kampung yang lain dan terdedah kepada masyarakat luar.
2. Dengan adanya beberapa orang yang berpengaruh di kalangan mereka menjadikan dakwah lebih senang, iaitu dengan mengadakan hubungan permulaan dengan orang-orang tersebut.

3. Sasaran tidak menolak keperluan agama dalam kehidupan manusia. Apabila mereka berpendapat demikian, lebih senang bagi mereka menerima agama baru berbanding dengan golongan yang sejak awal-awal lagi bersikap menolak.
4. Latar belakang sasaran yang mendakwa tidak memeluk mana-mana agama merupakan satu peluang yang lebih mudah dan terbuka untuk menarik mereka kepada Islam berbanding dengan mereka yang telah memeluk mana-mana agama. Tambahan pula mereka menganuti sesuatu agama atau kepercayaan tanpa alasan yang jelas.
5. Fakta yang menunjukkan kebanyakan sasaran berasa gembira dengan kedatangan orang luar akan memberi peluang yang utama kepada dakwah. Di samping itu, kegembiraan tersebut disebabkan oleh kewujudan pertolongan dan hadiah. Justru itu, peluang tersebut harus digunakan mengikut rentak keutamaannya. Di samping itu, akhlak yang baik yang ditunjukkan oleh orang Islam turut mempengaruhi penerimaan orang asli kepada kedatangan orang luar.

Dengan wujudnya penerimaan itu, Islam lebih mudah untuk dibawa kepada golongan itu.

